

Headline	Buluh khas untuk beruang panda		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	22 May 2013	Circulation	115,967
Section	Kosmo 2	Readership	406,000
Page No	32,33	ArticleSize	1251 cm²
Language	Malay	AdValue	RM 10,877
Journalist	SUHANA VERU	PR Value	RM 32,631
Frequency	Daily		



Buluh khas untuk beruang panda

Kakitangan FRIM dan Zoo Negara menjalankan gotong-royong menanam pokok buluh untuk beruang panda dari China yang bakal tiba di Malaysia pada penghujung tahun ini.

SUHANA VERU

SEPASANG beruang panda yang dinamakan Fengyi (betina) dan Fuwa (jantan) dijangka tiba di Malaysia pada Disember depan.

Kedua-dua haiwan itu yang berasal dari China dipinjamkan kepada Malaysia untuk tempoh 10 tahun.

Bagaimanapun, peminjaman haiwan itu merupakan simbolik bagi memperingati ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-China yang bakal diraikan pada tahun 2014 nanti.

Sebelum ini, bekas Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas berkata, pasangan panda itu akan ditempatkan di Zoo Negara, Kuala Lumpur yang dilengkapi kemudahan menyamai habitat asal panda tersebut.

Zoo Negara dipilih kerana dilihat sesuai dan mempunyai tenaga pakar untuk memastikan pasangan panda itu hidup selesa.

Justeru, 1Malaysia Development Berhad dan kerajaan Persekutuan akan menjalankan projek pembangunan eksibit khas bagi menerapkan panda berkenaan pada Jun ini di Zoo Negara.

Eksibit yang berkeluasan 0.6 hektar itu akan dilengkapi suhu kurang 24 darjah Celcius.

Menyentuh mengenai pemakanan, beliau memberitahu, makanan utama spesies berkenaan ialah buluh.

Haiwan tersebut memerlukan 25 kilogram buluh sehari, namun hanya terdapat 15 jenis buluh yang dimakan haiwan terbabit.

Antaranya buluh pagar, buluh betung, buluh Siam, buluh perut buddha, buluh botol, buluh semantan, buluh madu dan buluh galah.

Dalam menyediakan pemakanan untuk haiwan tersebut, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Kuala Lumpur bertanggungjawab untuk

membantu terutama membekal buluh.

Skop tugas institut itu khususnya dalam mengenal pasti spesies buluh tempatan yang boleh dimakan oleh haiwan tersebut dan menanam spesies buluh yang sesuai di negara ini.

Tanggungjawab besar

Menyedari menggalas tanggungjawab yang besar, kira-kira 100 orang kakitangan yang terdiri daripada FRIM, Zoo Negara dan pelajar dari

Management and Science University (MSU) menyertai program gotong-royong menanam buluh pada 16 April lalu di Zoo Negara.

Sebanyak 200 pokok buluh Siam (*Thysostachys siamensis*) telah ditanam dalam beg plastik.

Kesemua benih pokok itu ditanam di kawasan plot lereng bukit yang terletak di Zoo Negara.

Seorang pelajar MSU, Nuradilla Abu Bakar, 23, berkata, buat pertama kali dia menanam pokok buluh dan ia merupakan satu pengalaman yang menyeronokkan.

"Penganjuran program yang melibatkan penyertaan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sekurang-kurangnya membantu pihak FRIM dan Zoo Negara menanam pokok buluh dengan lebih banyak."

"Lagipun, kita perlu memperbanyakkan usaha menanam pokok buluh untuk menampung pemakanan beruang panda itu selama 10 tahun," ujarnya.

Selain usaha menanam pokok buluh, FRIM juga telah menghantar tiga orang penyelidik ke Bifengxia Panda Base, Ya'an di China pada 17 Mac lalu.

Tujuan penghantaran penyelidik itu ke negara berkenaan bagi mendalami pengetahuan mengenai tabiat dan jenis buluh yang dimakan oleh haiwan tersebut.

Jenis buluh

Bagi mengetahui jenis buluh yang dimakan oleh haiwan itu, penyelidik telah membawa lima

sampel buluh iaitu buluh Siam, pagar, madu, galah dan semantan.

Pegawai Penyelidik Cawangan Pengurusan Hutan Ladang, Bahagian Bioteknologi FRIM, Abd. Razak Othman berkata, pihaknya mendapati haiwan tersebut lebih gemar makan batang buluh jenis galah dan pagar berbanding semantan.

Ia berikutnya, kulit buluh galah dan pagar mudah dikopek haiwan tersebut selain gemar memakan daun dan ranting buluh madu.

"Kami membawa kelima-lima jenis buluh ini sahaja berdasarkan pengalaman Zoo Chiang Mai, China dan Zoo Singapura. Kami dimaklumkan oleh kedua-dua zoo tersebut, haiwan itu boleh makan kelima-lima jenis buluh berkenaan," katanya.

Dalam lawatan itu, pihaknya mendapati, haiwan tersebut gemar makan buluh yang muda berusia antara 18 bulan hingga dua tahun.

"Selain buluh, kami mendapati haiwan tersebut turut diberikan kek buluh yang diadun dengan fiber buluh serta vitamin yang lain. Ia sebagai penambahan nutrien dalam makanan untuk haiwan itu," ujarnya sambil memberitahu ia juga turut makan epal dan lobak.

Bagaimanapun, beliau berkata, kajian lebih lanjut mengenai jenis pemakanan haiwan itu perlu dilakukan lagi.

INFO

Beruang panda

- Jenis: Mammalia
- Spesies: Omnivor
- Makanan: Pucuk buluh, mampu makan 12.5 kilogram buluh dalam tempoh 12 jam setiap hari
- Habitat: Kawasan pergunungan yang ditumbuhi pokok buluh
- Purata jangka hayat di hutan: 20 tahun
- Warna: Hitam putih
- Saiz: Boleh mencapai sehingga 1.5 meter
- Berat: Boleh mencapai sehingga 136 kilogram
- Status perlindungan: Terancam punah
- Sumber: www.animals.nationalgeographic.com

Headline	Buluh khas untuk beruang panda		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 May 2013	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	32,33	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	1251 cm²
Journalist	SUHANA VERU	AdValue	RM 10,877
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,631



DOUGLAS (tiga dari kiri) bersalam dengan wakil China, Chen Dehai selepas menyaksikan majlis penyerahan tapak projek untuk menempatkan dua beruang Panda dari China di Zoo Negara, Hulu Kelang, Kuala Lumpur baru-baru ini.



BULUH merupakan makanan utama beruang panda.

E
Ka
be

Headline	Buluh khas untuk beruang panda		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 May 2013	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	32,33	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	1251 cm²
Journalist	SUHANA VERU	AdValue	RM 10,877
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,631



BERUANG panda tidak makan semua jenis buluh.




PROGRAM gotong-royong menanam pokok buluh dilihat perlu untuk menampung jumlah makan haiwan itu selama 10 tahun.

Headline	Buluh khas untuk beruang panda		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 May 2013	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	32,33	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	1251 cm²
Journalist	SUHANA VERU	AdValue	RM 10,877
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,631



Headline	Buluh khas untuk beruang panda		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 May 2013	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	32,33	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	1251 cm²
Journalist	SUHANA VERU	AdValue	RM 10,877
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,631



BERUANG panda gemar makan buluh
pagar kerana mudah dikopek.

Headline	Buluh khas untuk beruang panda		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 May 2013	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	32,33	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	1251 cm²
Journalist	SUHANA VERU	AdValue	RM 10,877
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,631



KEHADIRAN dua beruang ini merupakan simbol keakraban antara Malaysia dan China.